

SOALAN NO: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]

TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN :

DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan suatu program komprehensif membantu pesara warga emas yang menghadapi kesulitan dalam simpanan persaraan mereka dan memanfaatkan pengalaman dan *wisdom* mereka dalam menangani pelbagai permasalahan masyarakat

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Melalui Rancangan Malaysia Ke-11, di bawah Strategi B5, menambah baik persekitaran kehidupan warga emas, inisiatif untuk menambah baik persekitaran yang menyokong warga emas akan dilaksanakan termasuk perlindungan sosial untuk warga emas miskin akan diselaras dan disepadu bagi memastikan kualiti hidup yang lebih baik. Penyediaan bantuan akan diteruskan berdasarkan kepada keperluan asas. Kumpulan berpendapatan rendah, terutama dalam sektor tidak formal akan digalakkan untuk menyertai skim simpanan sukarela dan skim persaraan sebagai jaminan perlindungan ekonomi pada usia tua.

Mesyuarat *Task Force* mengenai cabaran isu penuaan juga telah bersetuju supaya program advokasi kewangan dan simpanan hari tua dilaksanakan. Sebagai langkah permulaan, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan dijemput untuk menyampaikan seminar/ taklimat berkaitan kewangan dan simpanan untuk hari tua

di dalam program-program yang dilaksanakan di peringkat Jabatan mahupun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Bagi membantu pesara warga emas yang menghadapi kesulitan dalam simpanan persaraan mereka, bantuan bulanan iaitu Bantuan Orang Tua (BOT) merupakan salah satu perkhidmatan yang telah disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Jumlah bantuan adalah sebanyak RM300.00 sebulan. Tujuan skim bantuan bulanan ini disediakan oleh JKM adalah sebagai saraan hidup kepada warga emas yang memerlukan bantuan supaya terus tinggal dalam komuniti, hidup dalam masyarakat di persekitarannya dan menikmati kehidupan yang biasa dilalui dengan dijagai dan diambil berat oleh masyarakat setempat.

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat juga agensi kerajaan yang lain dan syarikat swasta yang menyediakan bantuan kepada pesara. Contohnya, Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001 iaitu pelaksanaan kemudahan perubatan. Anggota

Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta keluarga mereka adalah layak mendapat kemudahan perubatan percuma di hospital/ klinik kerajaan.

Mulai 15 Februari 2012, Sistem *Elektronik Medical Automation Supply System* (e-MASS) telah diperkenalkan dan melalui pelaksanaan e-MASS ini pesara kini boleh mendapatkan bekalan ubat dan peralatan perubatan di hospital/ klinik/ farmasi/ agensi swasta yang berdaftar dengan Syarikat Oratis Services Sdn. Bhd. dengan percuma. (tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009.

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM juga menyediakan skim bantuan yang bertujuan meringankan beban tanggungan sara hidup veteran ATM serta keluarga berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan ianya adalah bersifat sementara sahaja. Di antara skim bantuan tersebut adalah seperti:

- Skim Bantuan Sara Hidup dengan kadar RM 300.00 sebulan;
- Skim Bantuan Persekolahan dan Kolej Vokasional Kebangsaan;
- Bantuan Kemasukan ke Universiti Awam/ Politeknik;

- Bantuan Peralatan pesakit; dan
- Bantuan Bencana Alam

Syarikat RapidKL juga memberi diskaun tambang sebanyak 50 peratus kepada warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas yang melibatkan perjalanan menggunakan RapidKL, LRT, Monorail dan bas.

Keretapi Tanah Melayu Berhad juga memberi diskaun tambang kepada warga emas yang menggunakan perkhidmatan ETS sebanyak 50 peratus tambang dari tambang perjalanan dan kepada Pesara Kerajaan Malaysia sebanyak 40 peratus.

Tuan Yang DiPertua

Pengalaman dan *wisdom* warga emas dalam menangani pelbagai permasalahan masyarakat memang tidak dapat dinafikan dan perlu dimanfaatkan.

Pada 5 Januari 2011, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah diluluskan oleh

kabinet bagi menggantikan Dasar Warga Tua Negara (DWTN) dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara (PTDWNTN) yang antara lain bagi membangunkan masyarakat prihatin terhadap fenomena penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari emas di samping menyediakan satu pelan tindakan warga emas yang komprehensif.

Salah satu program yang dikenalpasti dalam Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara adalah pewujudan Pusat Aktiviti Warga Emas yang dulunya dikenali sebagai Pusat Jagaan Harian Warga Tua (PJHWT).

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial dan pembangunan kepada warga emas yang melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan agensi kerajaan yang lain seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah serta pertubuhan bukan kerajaan seperti Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM).

PAWE disasarkan kepada warga emas berumur 60 tahun ke atas dan sihat serta dapat menguruskan diri. Kini sebanyak **51** PAWE telah diwujudkan.

Program di PAWE menekankan pada pembangunan potensi yang ada pada golongan warga emas dari segi keupayaan mereka yang masih sihat dan bertenaga untuk menyumbang khidmat bakti dan kepakaran mereka kepada komuniti setempat.

Melalui Strategi B5, Rancangan Malaysia Ke-11, menggalakkan penuaan aktif, kempen nasional untuk meningkatkan kesedaran sosial mengenai kesukarelawanan golongan profesional yang bersara akan dilancarkan untuk menggalakkan mereka mengambil bahagian dalam aktiviti berdasarkan komuniti. Kempen ini akan membolehkan mereka kekal aktif dan menyumbang pengetahuan, kemahiran serta pengalaman mereka untuk manfaat kepada masyarakat. *CBO (Community Based Organization) dan NGO (Non Government Organization)* akan digalakkan untuk menarik lebih ramai profesional yang bersara mengambil bahagian dalam program pembangunan komuniti secara sukarela.